

# Nabi Muhammad berwawasan

B.H 3 1 AUG 1993

KUALA LUMPUR, Isnin — Nabi Muhammad berjaya membawa umat Islam ke arah kecemerlangan kerana kepimpinan Baginda mempunyai wawasan dan perancangan untuk mencapai kejayaan jangka panjang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad berjaya mencipta kejayaan dan kemajuan ummah yang mencakupi pembangunan fizikal dan spiritual.

"Kejayaan itu dicapai kerana pimpinan Rasulullah bukan saja merancang untuk kejayaan jangka pendek tetapi juga kejayaan jangka panjang," katanya.

Perdana Menteri berkata, Rasulullah mempunyai wawasan dan ia menjadi prasyarat menempah kemajuan sehingga sejarah dunia diubah.

"Daripada suasana yang diliputi keruntuhan akhlak, permusuhan, pergaduhan, kejahilan, penindasan dan kezaliman, Ra-

sulullah berjaya membawa umat kepada era baru dunia yang dipenuhi keamanan, keharmonian dan keadilan sejagat," katanya dalam perutusan di buku cenderamata sempena Majlis Perhimpunan Sambutan Maulidur Rasul 1414H/1993M Peringkat Kebangsaan, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata tidak dapat dinafikan kemajuan yang ingin dikecapi mesti bertunjangkan sains dan teknologi yang berteraskan budaya ilmu.

"Hal ini dapat dibuktikan dengan kejayaan yang dicapai oleh umat yang terdahulu menerusi kemampuan mereka menguasai ilmu dalam pelbagai bidang," katanya.

Dr Mahathir juga menasihatkan umat Islam supaya mempertingkatkan usaha dan pengorbanan untuk mencapai kemajuan dan kejayaan dalam kehidupan.

Sementara itu, dalam buku cenderamata yang sama, Pengerusi Jawatankuasa Pusat Sambutan

Maulidur Rasul 1414, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata tema sambutan tahun ini 'Wawasan Memajukan Ummah' dipilih bertujuan menggerakkan ummah seluruhnya untuk bangun bertindak serta berfikir dan merancang untuk masa depan.

"Kita yakin hanya ummah yang berwawasan saja mampu mencapai kejayaan pada masa depan," katanya.

Menurut Dr Abdul Hamid yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, sambutan Maulidur Rasul penting bagi membolehkan umat Islam mengambil teladan dari risalah yang dibawa Rasulullah untuk memandu ummah ke arah kemajuan hidup yang hakiki.

"Satu pengajaran penting di dalam risalah Baginda ialah mementingkan budaya berfikir. Ini adalah untuk membolehkan ummah mampu membuat perancangan masa depan demi kesejahteraan hidup dan akhirat," katanya.